KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	27.07.22	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	JPSM			

Tragedi banjir di Baling

Lokasi sekitar Gunung Inas masih terdedah ancaman tanah runtuh

Kementerian nasihat kawasan pergunungan zon sumber aliran puing tak dibuka kepada awam

Oleh Ahmad Suhael Adnan dan Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kawasan sekitar Gunung Inas di Baling, Kedah, yang menjadi kawasan bencana banjir lumpur dan kepala air awal bulan ini, dikesan masih tidak stabil dan terdedah kepada ancaman tanah runtuh.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan, berkata ia adalah hasil siasatan awal Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) selepas membuat pemeriksaan di tapak kejadian, 5 Julai lalu.

Selain risiko tanah runtuh, katanya, kawasan persekitaran Gunung Inas juga masih terdedah kepada ancaman jatuhan batuan kerana ada bongkah batuan yang longgar dan tergantung di lereng gunung.

Bahayakan penduduk

"Perubahan arus deras secara mendadak apabila berlaku hujan di kawasan hulu dan kehadiran taburan puing batuan di laluan sungai boleh mendatangkan risiko serta membahayakan keselamatan penduduk di kawasan itu.

"Sebagai langkah awal, satu surat makluman rasmi perihal Langkah Kewaspadaan Awam Di Kawasan Tadahan Gunung Inas, Baling, Kedah dihantar pada 22 Julai lalu, menyarankan kerajaan Kedah mengambil perhatian terhadap zon bahaya dan zon kawalan yang dibangunkan JMG bagi tujuan pengurusan bencana di peringkat Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB).

"Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) melalui JMG turut menasihatkan kawasan pergunungan zon sumber aliran puing itu juga tidak dibuka kepada awam sehingga keadaan selamat," katanya di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim (BN-Baling) yang bertanyakan kaedah penyelesaian dirancang KeTSA bagi memastikan keselamatan penduduk di sekitar Gunung Inas susulan bencana kepala air di kawasan itu.

Jejas 800 penduduk

Kejadian kepala air dan banjir lumpur di Kampung Iboi meragut tiga nyawa serta menjejaskan lebih 800 penduduk pada 4 Julai lalu.

Kepada soalan tambahan Abdul Azeez mengenai kewujudan tiga kolam takungan sebesar padang bola dipenuhi air di puncak Gunung Inas serta pampasan kepada penduduk yang terkesan, Takiyuddin memaklumkan kajian KeTSA belum dapat mengesahkan kolam terbabit sebagai punca insiden kepala air, baru-baru ini.

"Kajian belum dapat mengesahkan kewujudan kolam takungan di atas Gunung Inas sebagai punca kejadian kerana kolam itu belum pecah, sedangkan kejadian sudah berlaku.

"Bagaimanapun, kementerian mengambil maklum pada cadangan untuk mengeluarkan air daripada kolam ini, tetapi pelaksanaannya bergantung pada kerajaan Kedah.

"Pampasan daripada syarikat yang mendapat konsesi balak juga tertakluk pada kerajaan Kedah untuk menggunakan budi bicara menguatkuasakan pampasan," katanya.